



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BARAJ SG. JOHOR,
KOTA TINGGI, JOHOR DARUL TA'ZIM
8 NOVEMBER 2018

YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah merasmikan Projek Baraj Sungai Johor yang terletak di Daerah Kota Tinggi, Johor pada hari ini, 8 November 2018. Turut hadir ialah YAB Dato' Osman Sapian, Menteri Besar Johor.

Projek Baraj Sungai Johor ini merupakan projek sumber air yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air, sebuah agensi di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Projek ini yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan siap sepenuhnya pada 30 Mac 2017 dengan kos berjumlah RM96 juta.

Projek ini dilaksanakan bertujuan bagi mengawal kemasukan air masin (*saline intrusion*) ke Sungai Johor yang sekaligus memastikan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Air Malaysia-Singapura 1962 dapat dipenuhi. Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan kadar takungan air mentah di Sungai Johor sebanyak 400 juta liter sehari (JLH) bagi memastikan loji-loji rawatan air milik Syarikat Air Johor-Ranhill dapat beroperasi secara normal dan menyumbang kepada kemampuan bekalan air di Negeri Johor secara keseluruhan.

Kerajaan Persekutuan turut komited untuk terus membangunkan sumber air di Negeri Johor melalui pembinaan Empangan Kahang dengan kos RM86.2 juta dan projek Naik Taraf Empangan Congok dengan kos RM5.2 juta yang telahpun siap masing-masing pada 14 Mei 2017 dan 15 Mei 2017 yang lalu.

Industri perkhidmatan bekalan air di Johor juga akan bertambah baik melalui Program Pengurangan Air Tidak Berhasil atau *Non-Revenue Water* (NRW) Kebangsaan, Pelaksanaan Projek *Off-river Storage* (ORS) di Sungai Johor dan Projek Penyaluran Air Layang 2.

Dalam usaha untuk terus memacu kemampuan industri perkhidmatan air negara, KATS kini dalam proses mengkaji semula Dasar Sumber Air Negara serta peranan Majlis Sumber Air Negara. KATS juga sedang menggubal Rang Undang-Undang Sumber Air Negara (RUU SAN) untuk digunakan sebagai *law model* bagi membantu Kerajaan Negeri menguruskan sumber air secara lebih berkesan. Mekanisme penetapan tarif air baharu yang lebih adil dan telus juga sedang dibangunkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan dijangka akan dilaksanakan pada suku kedua 2019.

**Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli
Putrajaya
8 November 2018**